



BUNGA yang digunakan mesti berbau harum dan berwarna putih serta terdiri dariipada tujuh jenis bunga berbeza.



ANTARA spesies periuk kera (*Nepenthes gracilis*) yang ada di Taman Konservatori, UPM.

Pulihara ekosistem tumbuhan

Unit Biodiversiti UPM

Biodiversiti amat penting kerana ia menunjukkan setiap spesies mempunyai nilai tersendiri dan hak untuk hidup di muka bumi tanpa mengira kira haiwan, tumbuhan dan manusia.

- tersendiri dan hak untuk hidup di muka bumi ini tidak kira haiwan, tumbuhan dan manusia.

FARDAH menunjukkan sabun herba yang pelbagai bau dan warna.



Oleh JULIA ISMAIL

julia.ismail@kosmo.com.my

IKA disebut mengenai biodiversiti, sudah pasti ia merupakan bidang ilmu yang mempelajari kepelbagaiannya dalam ekosistem darat, akuatik dan sebahagian daripada ekosistem yang kompleks.

Biodiversiti amat penting kerana ia menunjukkan setiap spesies mempunyai nilai tersendiri dan hak untuk hidup di muka bumi tanpa mengira kira haiwan, tumbuhan dan manusia.

Untuk itu, Unit Biodiversiti, Institut Biosains (IBS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah ditubuhkan bagi memastikan ekosistem ternama spesies tumbuhan lebih terpelihara.

Unit itu yang dilengkapi dengan peralatan dan sistem canggih menjadi penyokong utama kepada IBS untuk menjadi pusat kecermerlangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam bidang biodiversiti tumbuhan.

Ia menawarkan perkhemahanan penyelidikan dalam bidang sains tumbuhan dengan disokong oleh kemudahan teknologi tinggi yang dimiliki institut tersebut. Selain itu, ia bertanggungjawab menyediakan pangkalan data dan sumber hutan bagi membantu penyelidikan berdasarkan tumbuhan.

Unit yang menyediakan kemudahan R&D bernama Makmal Kultur Tisu untuk kerja-kerja pensterilan produk herba berasaskan penyelidikan, selain menjadikan pusat pemuliharaan 'ex situ' iaitu penanaman pokok di luar kawasan pokok sebenar serta pengembangan untuk penyelidikan, pembelajaran dan pendidikan.

Antara kemudahan yang disediakan ialah Makmal Kultur Tisu untuk kerja-kerja pensterilan dan pengkulturan tisu. Herbarium Ethnobotani juga digunakan untuk mengumpul dan menjadikan rujukan. Ladang nurseri berfungsi untuk menyediakan plot tanaman, penjualtar tumbuhan herba dan daun mandian herba.

Makmal Kultur Tisu menghasilkan kultur tisu bagi menyediakan anak pokok yang lebih berkualiti, homogenus dan akan bertunas lebih cepat, antara dua minggu hingga satu bulan selepas dikulturkan.

Tanaman daripada keluarga halia (Zingiberaceae) merupakan antara sebab kewujudan makmal kultur tisu di IBS. Penyelidikan dijalankan sebanyak enam peringkat sehingga proses akhir ke dalam polipeg.

Pegawai Sains Kanan, Unit Biodiversiti UPM, Julia Abdul Aziz berkata, sebanyak 23 spesies termasuk orkid liar telah dijadikan kultur tisu.

"Kegunaan kultur tisu seperti halia ini boleh dijadikan perambah selera makanan, baik untuk ibu baru bersalin dan mengubati demam," katanya.